



DATUK SERI NAJIB

Pemuda Umno penggerak kemajuan

DUNGUN: Pergerakan Pemuda Umno akan dibentuk menjadi tenaga penggerak ke arah memajukan orang Melayu yang kini masih ketinggalan dalam pelbagai bidang.

Rancangan yang diatur oleh pergerakan itu untuk memantapkan pemikiran pergerakan Pemuda kini mula membuah hasil yang baik, terutama di kawasan sasaran.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata orang Melayu sudah tidak ada masa untuk terlalu banyak berpolitik, sebaliknya bekerja lebih kuat untuk mencapai kejayaan.

Berucap dalam perjumpaan dengan pemimpin belia Daerah Dungun di sini petang semalam, beliau berkata sekiranya orang Melayu masih ghairah berpolitik sesama sendiri sebagai perjuangan utama, harapan untuk maju pasti makin jauh.

Untuk itu, beliau berharap pergerakan Pemuda di seluruh negara menjadikan gerakan mereka sebagai penggerak kepada orang Melayu untuk bekerja keras dan maju seperti bangsa lain di dunia.

Datuk Seri Najib, yang juga Menteri Belia dan Sukan, meminta semua pergerakan Pemuda jangan menghiraukan segala fitnah dan permainan politik golongan serpihan yang boleh merugikan bangsa Melayu.

Hadir sama dalam majlis itu ialah Speaker Dewan Undangan Negeri Terengganu, Engku Bijaya Sura, Syed Omar Mohamad, Ketua Pergerakan Pemuda Umno Terengganu, Haji Abdul Rahman Bakar, Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Haji Awang Jabar dan Ketua Pergerakan Pemuda Umno Kuala Terengganu, Encik Zuber Embong.